



Headline: Rugi RM23000 ditipu Macau Scam
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 11 March 2020

Language: Malay
Section: Dari Utara
Page: 28

Rugi RM23,000 ditipu Macau Scam

Juruteknik terpedaya kononnya terlibat dalam perjudian online

Oleh SYAJARATULHUDA
MOHD ROSLI

KEPALA BATAS

Seorang juruteknik mengalami kerugian sebanyak RM23,000 apabila ditipu oleh sindiket Macau Scam kononnya dia terlibat dalam perjudian online kelmarin.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata, lelaki berusia 46 tahun itu dihubungi seorang wanita yang mem-



NOORZAINY

perkenalkan diri sebagai pegawai di sebuah syarikat telekomunikasi di Kuantan, Pahang.

Bagaimanapun katanya, mangsa menafikan dakwaan wanita tersebut namun panggilan telefon telah disambung kepada seorang lelaki yang mendakwa sebagai pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuantan.

“Suspek memberitahu mangsa bahawa akaun banknya perlu disiasat

lalu mangsa menyerahkan nombor akaun serta nombor pin. Mangsa kemudian diminta memberikan empat nombor TAC.

“Lelaki itu juga mengarahkan mangsa memadamkan sistem pesanan ringkas (SMS) yang diterimanya,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, mangsa yang mula curiga terus membuat semakan dengan pihak bank dan mendapati wang dalam akaun banknya telah hilang sebanyak RM23,000.

“Semakan mendapati wang daripada akaun mangsa telah dipindahkan ke akaun lain tanpa pengetahuannya dan menyedari ditipu, mangsa telah membuat laporan polis,” katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.